

18 JUN 1999

Umno-Reaksi (Zahid)

ZAHID TERIMA TEGURAN PERDANA MENTERI DENGAN HATI TERBUKA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi menganggap teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap dirinya sebagai teguran seorang bapa kepada anak.

"Sebagai anak yang taat setia kepada bapa, saya terima (teguran) itu dengan hati dan minda terbuka," katanya kepada pemberita selepas perasmian perhimpunan agung Umno oleh Dr Mahathir, selaku presiden parti, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dalam ucapan dasarnya, Dr Mahathir antara lain menyebut mengenai usaha bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengeruhkan keadaan ekonomi negara agar rakyat terutama perwakilan perhimpunan agung Umno pada tahun lepas akan menyalahkan kerajaan dan mendorong presiden parti supaya berundur.

Dr Mahathir menyatakan Ketua Pemuda (ketika itu) Zahid, dengan lantang menuduh kerajaan mengamalkan nepotisme, kronisme dan lain-lain.

Zahid berkata perkara itu merupakan "bab lama" dalam kehidupan politiknya.

"Sekarang saya membuka bab baru dalam menjana perkasaan Umno dalam alaf akan datang," kata Zahid yang menghadiri perhimpunan agung itu sebagai Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh.

Menurutnya beliau telah mengarahkan anggota-anggota Umno di bahagian itu supaya mengukuhkan perpaduan untuk memenangkan parti dalam pilihan raya akan datang.

Selain tumpuan kepada parti di peringkat bahagian itu, Zahid kini mengutamakan pengajiannya pada peringkat sarjana di sebuah universiti tempatan.

-- BERNAMA

AZZ RON